



Research Article

Kritikan Terhadap Pendekatan Orientalis Dalam Kajian Islam: Analisis Epistemologi

Haswira Salleh Ahim

Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Brunei Darussalam; haswirasallehahim@gmail.com



Copyright © 2026 by Authors, Published by **Maklumat: Journal of Da'wah and Islamic Studies**. This is an open access article under the CC BY License <https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>

Received : May 02, 2026
Accepted : July 01, 2026

Revised : June 16, 2026
Available online : August 17, 2026

How to Cite: Haswira Salleh Ahim. (2026). Criticism of the Orientalist Approach in Islamic Studies: An Epistemological Analysis. *Maklumat: Journal of Da'wah and Islamic Studies*, 4(2), 164-176. <https://doi.org/10.61166/maklumat.v4i2.113>

Criticism of the Orientalist Approach in Islamic Studies: An Epistemological Analysis

Abstract. This study aims to examine the orientalist approach in Islamic studies which is often influenced by Western epistemological frameworks such as secularism, rationalism and empiricism, which leads to incommensurability in understanding Islamic teachings as a whole. Study problems arise if this approach tends to reduce revelation, question the authenticity of hadith and ignore Islamic scientific traditions, while at the same time producing interpretations that are not in line with the principles of Islamic aqidah and epistemology. To achieve the objectives of the study, a qualitative approach was used through library analysis of primary sources such as the Koran and hadith and sources including orientalist works and writings by Muslim scholars. The main objective of this study is to analyze the orientalist approach in Islamic studies and assess its epistemological weaknesses based on the Islamic epistemological framework which is based on revelation, reason and the scientific traditions of ulama. The results of the study show that the Orientalist approach contains several main weaknesses such as reductionism in revelation, skepticism towards hadith, use of Western hermeneutic methodology without adjustments. Apart from that, there is a significant epistemological incommensurability between Western and Islamic frameworks which causes the resulting interpretation to be non-holistic and less authentic. This study emphasizes that understanding Islam

needs to be based on Islamic epistemology which integrates revelation, reason and ulama traditions to produce a more precise, balanced and authoritative analysis.

Keywords: Criticism, Orientalist, Islamic Studies, Epistemology

Abstrak. Kajian ini bertujuan meneliti pendekatan orientalis dalam kajian Islam yang sering dipengaruhi oleh kerangka epistemologi Barat seperti sekularisme, rasionalisme dan empirisme, yang membawa kepada ketidakpadanan dalam memahami ajaran Islam secara menyeluruh. Masalah kajian timbul apabila pendekatan tersebut cenderung mereduksi wahyu, mempersoalkan keautentikan hadith dan mengabaikan tradisi keilmuan Islam, sekali gus menghasilkan tafsiran yang tidak selari dengan asas aqidah dan epistemologi Islam. Bagi mencapai tujuan kajian, pendekatan kualitatif digunakan melalui analisis perpustakaan terhadap sumber primer seperti al-Qur'an dan hadith dan sumber yang merangkumi karya orientalis dan penulisan sarjana Muslim. Objektif utama kajian ini ialah menganalisis pendekatan orientalis dalam kajian Islam dan menilai kelemahan epistemologinya berdasarkan kerangka epistemologi Islam yang berasaskan wahyu, akal dan tradisi keilmuan ulama. Hasil kajian menunjukkan bahawa pendekatan orientalis mengandungi beberapa kelemahan utama seperti reduksionisme wahyu, skeptisisme terhadap hadith, penggunaan metodologi hermeneutik Barat tanpa penyesuaian. Selain itu, wujud ketidakpadanan epistemologi yang ketara antara kerangka Barat dan Islam yang menyebabkan tafsiran yang dihasilkan bersifat tidak holistik dan kurang autentik. Kajian ini menegaskan bahawa pemahaman terhadap Islam perlu berasaskan epistemologi Islam yang mengintegrasikan wahyu, akal dan tradisi ulama bagi menghasilkan analisis yang lebih tepat, seimbang dan berautoriti.

Kata Kunci: Kritikan, Orientalis, Kajian Islam, Epistemologi

PENDAHULUAN

Konsep epistemologi dalam Islam berasaskan kepada sumber wahyu, iaitu al-Quran dan Hadith, sebagai asas utama dalam memperoleh dan menilai kebenaran. Dalam kerangka ini, wahyu bukan sekadar sumber spiritual, tetapi merupakan rujukan tertinggi dalam menentukan hakikat ilmu dan realiti kehidupan. Epistemology Islam menegaskan bahawa kebenaran bersifat mutlak kerana bersandar kepada wahyu Ilahi yang bebas daripada kesilapan manusia. Oleh itu, segala bentuk pengetahuan perlu diselaraskan dengan prinsip wahyu agar tidak terpesong daripada landasan kebenaran.¹

Selain itu, epistemology Islam turut mengiktiraf peranan akal dan pengalaman (*tajribah*) sebagai instrument penting dalam memahami reality. Namun demikian, penggunaan akal tidak bersifat bebas mutlak, sebaliknya dipandu oleh wahyu sebagai sumber dipercayai. Akal berfungsi untuk mentafsir, memahami dan mengaplikasikan wahyu dalam kehidupan manusia, manakala pengalaman diterima sebagai sumber ilmu selagi tidak bercanggah dengan prinsip syarak. Pendekatan ini menunjukkan bahawa epistemology Islam bersifat seimbang antara dimensi rasional, empirical dan spiritual.²

¹ Syed Muhammad Naquib al-Attas, *Prolegomena to the Metaphysics of Islam* (Kuala Lumpur: ISTAC, 1995), hlm. 1–5.

² Al-Ghazali, *al-Munqidh min al-Dalal* (Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2005), hlm. 27–30.

Seterusnya, epistemology Islam bersifat tauhidik, iaitu berasaskan konsep kesatuan antara Tuhan, manusia dan alam. Dalam worldview Islam, tiada pemisahan antara agama dan kehidupan, bahkan semua aspek ilmu dilihat sebagai sebahagian daripada ibadah dan pengabdian kepada Allah SWT. Pendekatan ini melahirkan satu kerangka ilmu yang meluas dan bersepadu, di mana ilmu bukan sahaja bertujuan memahami dunia, tetapi juga membimbing manusia ke arah kebenaran dan kesejahteraan akhirat.³

Sebaliknya, epistemology orientalis berakar daripada tradisi pemikiran Barat yang dipengaruhi oleh rasionalisme, empirisme, dan sekularisme. Dalam kerangka ini, sumber ilmu dihadkan kepada akal dan pengalaman semata-mata, manakala wahyu dan unsur metafizik dianggap tidak saintifik dan tidak boleh dibuktikan secara empirical. Pendekatan ini membawa kepada pemisahan antara agama dan ilmu, di mana agama dilihat sebagai kepercayaan peribadi tanpa autoriti dalam bidang pengetahuan objektif.⁴

Implikasi daripada pendekatan tersebut ialah penolakan terhadap unsur ghaib dan wahyu sebagai sumber ilmu yang sah. Golongan orientalis cenderung menilai teks-teks Islam, termasuk al-Quran dan Hadith, sebagai produk sejarah atau budaya yang boleh dianalisis secara kritikal tanpa mengambil kira sifat Ilahiyah. Hal ini menyebabkan kefahaman terhadap Islam menjadi terbatas kepada dimensi luaran semata-mata, tanpa memahami aspek dalaman yang bersifat spiritual dan metafizik.⁵

Oleh itu, pendekatan orientalis boleh dikritik sebagai gagal memahami Islam secara menyeluruh kerana menilai agama menggunakan kerangka epistemology luar yang tidak selari dengan asas pemikiran Islam. Ketidakterkaitan ini mewujudkan perbezaan epistemology yang ketara, seterusnya menghasilkan tafsiran yang tidak tepat dan tidak melambangkan terhadap ajaran Islam. Justeru, analisis terhadap Islam memerlukan pendekatan yang berasaskan epistemology Islam itu sendiri agar kefahaman yang diperoleh lebih sahih dan menyeluruh.

METODE KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berbentuk analisis konseptual dan kajian perpustakaan bagi meneliti pendekatan orientalis dalam kajian Islam dan kritikan terhadapnya dari perspektif epistemology Islam. Data dikumpulkan melalui kajian dokumentasi terhadap sumber primer seperti al-Quran dan hadith dan sumber yang merangkumi karya orientalis, buku akademik, artikel dan penulisan ulama Muslim berkaitan epistemologi, tafsir dan ulum al-hadith. Seterusnya, data dianalisis menggunakan keadah analisis kandungan bagi mengenal pasti tema-tema utama seperti reduksionisme wahyu, skeptisisme hadith, penggunaan hermeneutic Barat dan ketidakpadanan epistemologi. Pendekatan ini dipilih bagi membolehkan penilaian yang kritikal, sistematik dan menyeluruh terhadap pendekatan orientalis dan membina kefahaman yang lebih sahih berasaskan kerangka epistemologi Islam.

³ Ismail Raji al-Faruqi, *Al-Tawhid: Its Implications for Thought and Life* (Herndon: IIIT, 1992), hlm. 15-18.

⁴ Edward Said, *Orientalism* (New York: Vintage Books, 1978), hlm. 2-4.

⁵ William Montgomery Watt, *Islam and the Integration of Society* (London: Routledge, 1961), hlm. 25-27.

HASIL DAN PEMBAHASAN

Reduksi Wahyu Kepada Produk Sejarah

Pendekatan orientalis dalam kajian Islam sering menampilkan kecenderungan untuk mereduksi wahyu kepada produk sejarah semata-mata. Dalam kerangka ini, al-Quran tidak dilihat sebagai kalam Allah SWT yang bersifat Ilahi, sebaliknya dianggap sebagai hasil interaksi sosial, budaya dan sejarah masyarakat Arab pada abad ke 7. Pandangan ini berasaskan pendekatan sejarah yang cuba menelusuri asal-usul teks melalui faktor luaran seperti persekitaran, politik dan budaya setempat.⁶

Sebahagian orientalis turut berhujah bahawa kandungan al-Quran dipengaruhi oleh tradisi Yahudi dan Kristian yang telah wujud sebelumnya. Mereka melihat persamaan kisah para nabi, konsep ketuhanan dan hukum-hakam sebagai bukti bahawa al-Quran merupakan pengolahan semula daripada sumber-sumber agama terdahulu. Pendekatan ini meletakkan al-Quran dalam kategori teks sejarah biasa yang berkembang melalui proses penyesuaian budaya dan keagamaan.⁷

Selain itu, al-Quran juga ditafsirkan sebagai produk sejarah yang berkait rapat dengan konteks politik masyarakat Arab ketika itu. Ayat-ayat al-Quran dilihat sebagai respons terhadap situasi tertentu, bukannya wahyu yang mempunyai nilai universal dan kekal. Pendekatan ini dikenali sebagai *historicism*, iaitu kecenderungan untuk memahami teks sepenuhnya berdasarkan konteks sejarah tanpa mengiktiraf aspek ketuhanan yang melangkaui masa dan tempat.⁸

Namun demikian, pendekatan ini boleh dikritik kerana mengabaikan konsep Ilahiyah dalam Islam yang menegaskan bahawa al-Quran adalah wahyu daripada Allah SWT, bukan ciptaan manusia. Dalam Aqidah Islam, al-Quran bersifat mutlak, terpelihara dan bebas daripada pengaruh luaran. Penafian terhadap sifat Ilahi wahyu bukan sahaja menjejaskan kesucian al-Quran, tetapi juga menggugat asas keimanan umat Islam yang menjadikan wahyu sebagai sumber utama kebenaran.⁹

Tambahan pula, penggunaan pendekatan *historicism* secara ekstrem dalam menilai al-Quran bertentangan dengan disiplin *'ulum al-Quran* yang telah dibangunkan oleh para ulama. Ilmu seperti *asbab al-nuzul*, *nasikh dan Mansukh*, *qiraat* dan ilmu tafsir menunjukkan bahawa walaupun al-Quran diturunkan dalam konteks tertentu, ia tetap memiliki makna yang bersifat universal dan relevan sepanjang zaman. Pendekatan orientalis yang hanya menekankan konteks sejarah tanpa memahami metodologi ini membawa kepada tafsiran yang sempit dan tidak menyeluruh.¹⁰

⁶ John Wansbrough, *Quranic Studies: Sources and Methods of Scriptural Interpretation* (Oxford: Oxford University Press, 1977), hlm. 1-3.

⁷ Theodor Nöldeke, *The History of the Qur'an* (Leiden: Brill, 2013), hlm. 10-12.

⁸ Fazlur Rahman, *Islam and Modernity: Transformation of an Intellectual Tradition* (Chicago: University of Chicago Press, 1982), hlm. 5-7.

⁹ Muhammad Mustafa al-A'zami, *The History of the Qur'anic Text* (Leicester: UK Islamic Academy, 2003), hlm. 17-19.

¹⁰ Jalal al-Din al-Suyuti, *al-Itqan fi 'Ulum al-Qur'an* (Beirut: Dar al-Fikr, 2004), Jil. 1, hlm. 39-41.

Oleh itu, pengurangan wahyu kepada produk sejarah mencerminkan satu bentuk penyempitan epistemology yang tidak selari dengan kerangka Aqidah Islam. Ia bukan sahaja menafikan unsur ketuhanan al-Quran, tetapi juga bercanggah dengan tradisi keilmuan Islam yang berasaskan integrasi antara wahyu dan akal.¹¹ Justeru, analisis terhadap al-Quran memerlukan pendekatan yang mengiktiraf sifat Ilahiyyah agar kefahaman yang diperoleh lebih tepat, seimbang dan dipercayai.

Pendekatan Skeptisisme Terhadap Hadith

Pendekatan skeptisisme¹² terhadap hadith merupakan salah satu ciri utama dalam kajian orientalis terhadap sumber-sumber Islam. Tokoh seperti *Ignaz Goldziher* dan *Joseph Schacht* sering mempersoalkan keaslian hadith dengan menganggap bahawa sebahagian besar Riwayat yang dinisbahkan kepada Nabi Muhammad SAW bukanlah asli, tetapi terbentuk kemudian dalam sejarah Islam. Pendekatan ini berasaskan analisis kritikal yang menilai hadith melalui kerangka sejarah Barat yang cenderung skeptikal terhadap tradisi lisan.¹³

Orientalis berpendapat bahawa hadith tidak dikumpulkan secara sistematik pada zaman Nabi SAW, sebaliknya berkembang selepas kewafatan baginda, khususnya dalam era konflik politik dan perpecahan umat Islam. Berdasarkan pandangan ini, hadith dilihat sebagai refleksi kepentingan golongan tertentu yang cuba mengabsahkan pandangan mereka melalui sandaran kepada Nabi SAW. Hal ini membawa kepada dakwaan bahawa hadith merupakan rekaan yang digunakan untuk menyokong agenda politik dan mazhab tertentu.¹⁴

Selain itu, pendekatan skeptisisme ini turut menilai sanad hadith dengan penuh keraguan, dengan anggapan bahawa rantaian perawi boleh dimanipulasi atau direka untuk memberi pengesahan kepada sesuatu Riwayat. Justeru, sebahagian orientalis cenderung menolak ajaran hadith sebagai sumber kedua dalam Islam, malah ada yang menanggapnya tidak boleh dipercayai secara keseluruhan. Pendekatan ini secara tidak langsung menjejaskan kedudukan hadith dalam pembinaan hukum dan Aqidah Islam.¹⁵

Namun demikian, pendekatan ini boleh dikritik kerana mengabaikan metodologi '*ilm al-hadith*' yang telah dibangunkan secara sistematik oleh para ulama sejak sejarah awal. Disiplin ini merangkumi analisis sanad yang sangat teliti, termasuk penilaian terhadap keadilan dan ketepatan perawi melalui kaedah *jarh wa ta'dil*.

¹¹ Muhammad Qutb, *Manhaj al-Tarbiyah al-Islamiyyah* (Kaherah: Dar al-Shuruq, 1993), hlm. 28–30.

¹² Skeptisisme: aliran falsafah atau sikap tidak percaya dan ragu-ragu terhadap sesuatu kebenaran, pengetahuan atau dakwaan.

¹³ Ignaz Goldziher, *Muslim Studies* (London: George Allen & Unwin, 1971), hlm. 17–20; Joseph Schacht, *The Origins of Muhammadan Jurisprudence* (Oxford: Oxford University Press, 1950), hlm. 149–151.

¹⁴ Joseph Schacht, *An Introduction to Islamic Law* (Oxford: Oxford University Press, 1964), hlm. 34–36.

¹⁵ G. H. A. Juynboll, *Muslim Tradition* (Cambridge: Cambridge University Press, 1983), hlm. 72–74.

Setiap perawi dinilai berdasarkan kepercayaan, ingatan dan integrity, menjadikan proses pengesahan hadith bersifat ketat dan berlapis.¹⁶

Tambahan pula, ulama hadith turut mengklasifikasikan Riwayat berdasarkan tahap kekuatan seperti *mutawatir* dan *ahad*. Hadith mutawatir, yang diriwayatkan oleh ramai perawi pada setiap peringkat sanad, memberikan keyakinan yang tinggi terhadap kesahihannya, manakala hadis ahad dinilai melalui syarat-syarat tertentu bagi memastikan kesahihannya. Keseluruhan metodologi ini menunjukkan bahawa tradisi hadith bukan bersifat rawak, tetapi berasaskan sistem ilmiah yang tersusun dan kritikal.¹⁷

Dari sudut lain, pendekatan orientalis juga boleh dilihat mempunyai kecenderungan *generalization bias*, iaitu membuat Kesimpulan umum berdasarkan kes terencil. Tidak semua hadith boleh dianggap sebagai rekaan hanya kerana terdapat sebahagian Riwayat yang lemah atau palsu. Ulama Islam sendiri telah mengenal pasti serta menolak hadith-hadith tidak sahih melalui disiplin ilmu yang ketat, menunjukkan bahawa sistem penapisan telah lama wujud dalam tradisi Islam.¹⁸

Oleh itu, skeptisisme orientalis terhadap hadis mencerminkan kegagalan memahami disiplin tradisi Islam secara menyeluruh. Pendekatan yang berasaskan kerangka luar tanpa mengambil kira metodologi dalaman Islam membawa kepada penilaian yang tidak seimbang.¹⁹ Justeru, kajian terhadap hadith perlu dilakukan dengan memahami kerangka 'ilm al-hadith agar kesimpulan yang dicapai lebih sahih, adil dan dipercayai.

Dualisme Antara Agama Dan Ilmu

Pendekatan epistemology Barat menjadi asas kepada pemikiran orientalis sering menampilkan dualisme antara agama dan ilmu. Dalam kerangka sekularisme, agama dianggap sebagai urusan peribadi yang terpisah daripada bidang ilmu, sains dan kehidupan sosial. Ilmu dinilai berdasarkan rasional dan fahaman berdasarkan pengalaman semata-mata, manakala agama dilihat sebagai kepercayaan subjektif yang tidak mempunyai autoriti dalam menentukan kebenaran objektif. Pemisahan ini menjadi asas kepada pembentukan disiplin ilmu moden di Barat.²⁰

Sebaliknya, dalam epistemology Islam, tiada pemisahan antara agama dan ilmu kerana kedua-duanya berakar daripada sumber yang sama, iaitu wahyu. Ilmu dalam Islam bukan sahaja bertujuan untuk memahami realiti fizikal, tetapi juga sebagai medium untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT. Oleh itu, konsep ilmu dalam Islam berkait rapat dengan ibadah, di mana kepada Tuhan apabila dilakukan dengan niat yang betul dan dalam kerangka syarak. Selain itu, Islam melihat agama sebagai al-din, iaitu satu sistem hidup yang menyeluruh merangkumi aspek Aqidah,

¹⁶ Ibn al-Salah, Muqaddimah Ibn al-Salah (Beirut: Dar al-Fikr, 1986), hlm. 98–102.

¹⁷ Al-Khatib al-Baghdadi, al-Kifayah fi 'Ilm al-Riwayah (Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2001), hlm. 45–47.

¹⁸ Mustafa al-Siba'i, al-Sunnah wa Makanatuha fi al-Tashri' al-Islami (Beirut: al-Maktab al-Islami, 1982), hlm. 203–205.

¹⁹ Muhammad Ajjaj al-Khatib, Usul al-Hadith (Beirut: Dar al-Fikr, 1989), hlm. 28–30.

²⁰ Max Weber, The Protestant Ethic and the Spirit of Capitalism (London: Routledge, 2001), hlm. 13–15.

ibadah, akhlak, sosial, politik dan ekonomi. Dalam kerangka ini, ilmu tidak boleh dipisahkan daripada nilai dan prinsip agama kerana ia berfungsi untuk membimbing manusia dalam semua aspek kehidupan. Pendekatan ini melahirkan satu sistem pemikiran yang bersepadu, di mana setiap cabang ilmu saling berkait dan menyokong antara satu sama lain dalam mencapai kesejahteraan dunia dan akhirat.²¹

Namun demikian, pendekatan orientalis yang berasaskan dualisme ini gagal memahami hakikat Islam sebagai al-din yang menyeluruh. Apabila Islam dianalisis menggunakan ajaran sekular yang memisahkan agama daripada kehidupan, maka tafsiran yang dihasilkan menjadi terhad kepada aspek tertentu sahaja. Sebagai contoh, ajaran Islam mungkin dilihat hanya sebagai sistem ritual atau kepercayaan spiritual tanpa mengambil kira dimensi sosial, politik dan intelektual yang terkandung di dalamnya.²²

Kesan daripada pendekatan ini ialah berlakunya perpecahan dalam memahami Islam. Ajaran Islam dipisahkan kepada bahagian-bahagian kecil tanpa melihat hubungan antara satu sama lain, seperti memisahkan antara Aqidah, syariah dan akhlak. Keadaan ini menghasilkan gambaran Islam yang tidak lengkap dan tidak mencerminkan reality sebenar sebagai satu sistem hidup yang menyeluruh dan bersepadu.²³

Oleh itu, dualisme antara agama dan ilmu dalam epistemologi Barat membawa kepada kelemahan dalam pendekatan orientalis terhadap kajian Islam. Kegagalan memahami Islam sebagai al-din yang menyeluruh menyebabkan tafsiran yang dihasilkan bersifat berpecah belah dan tidak menyeluruh. Justeru, analisis terhadap Islam memerlukan pendekatan yang mengintegrasikan ilmu dan agama agar kefahaman yang dicapai lebih tepat, seimbang dan mencerminkan hakikat sebenar ajaran Islam.

Bias Kolonial Dan Ideologi Barat

Kajian orientalis tidak dapat dipisahkan daripada konteks sejarah kemunculannya yang berkait rapat dengan era kolonialisme dan imperialisme Barat. Sejak abad ke 18 dan ke 19, pengkajian terhadap dunia Timur, khususnya Islam, berkembang seiring dengan peluasan kuasa politik Barat ke wilayah-wilayah Islam. Dalam keadaan ini, ilmu tentang Timur bukan sahaja bertujuan untuk memahami, tetapi juga berfungsi sebagai alat untuk mengawal dan mengurus masyarakat yang dijajah.²⁴

Dalam kerangka ini, hubungan antara kuasa dan ilmu (power knowledge relationship) menjadi sangat besar. Ilmu yang dihasilkan oleh orientalis sering berperanan menyokong agenda colonial, di mana pengetahuan tentang budaya, agama dan struktur sosial masyarakat Islam digunakan bagi masyarakat yang dijajah,

²¹ Osman Bakar, *Classification of Knowledge in Islam* (Cambridge: Islamic Texts Society, 1998), hlm. 20–22.

²² Wilfred Cantwell Smith, *The Meaning and End of Religion* (New York: Macmillan, 1962), hlm. 50–52.

²³ Syed Muhammad Naquib al-Attas, *Islam and Secularism* (Kuala Lumpur: ISTAC, 1993), hlm. 99–101.

²⁴ Edward Said, *Orientalism* (New York: Vintage Books, 1978), hlm. 36–38.

pihak kolonial dapat mengukuhkan pengaruh mereka secara lebih sistematis dan berkesan.²⁵

Selain itu, pendekatan orientalis turut membentuk naratif tertentu terhadap Islam yang selari dengan kepentingan ideologi Barat. Islam sering digambarkan sebagai agama yang mundur, tidak rasional, iaitu tidak mampu berkembang seiring dengan perubahan zaman. Gambaran ini secara tidak langsung mewujudkan persepsi bahawa Barat lebih maju, moden dan dipercayai dalam menentukan hala tuju peradaban manusia.²⁶

Naratif sedemikian seterusnya memberikan justifikasi moral kepada projek kolonialisme, di mana penjajahan dianggap sebagai usaha untuk memodenkan masyarakat Timur. Dalam konteks ini, ilmu tidak lagi bersifat neutral, sebaliknya menjadi instrument ideologi yang menyokong penguasaan Barat. Islam dan umatnya dilihat sebagai objek kajian yang perlu diperbaiki, bukan sebagai subjek yang memiliki sistem ilmu dan peradaban tersendiri.²⁷

Namun demikian, pendekatan ini boleh dikritik kerana bersifat berat sebelah dan dipengaruhi oleh kepentingan politik dan ideologi tertentu. Penilaian terhadap Islam yang dibuat melalui pandangan kolonial cenderung mengabaikan kekayaan tradisi intelektual dan sejarah peradaban Islam yang aktif. Ia juga menafikan sumbangan umat Islam dalam pelbagai bidang ilmu, dan gagal melihat Islam sebagai sistem yang mempunyai keupayaan untuk berkembang dan beradaptasi.²⁸

Oleh itu, bias kolonial dalam kajian orientalis menunjukkan bahawa ilmu yang dihasilkan tidak sepenuhnya objektif, tetapi dipengaruhi oleh konteks kuasa dan ideologi Barat. Penggunaan ilmu sebagai alat penguasaan telah menghasilkan gambaran Islam yang tidak tepat dan tidak adil.²⁹ Justeru, kajian terhadap Islam perlu dilakukan secara kritikal dengan mengambil kira konteks ini agar kefahaman yang diperoleh lebih seimbang dan bebas daripada pengaruh penguasaan luar.

Penggunaan Hermeneutik Barat Terhadap Teks Islam

Pendekatan orientalis dalam kajian teks Islam sering melibatkan penggunaan tafsiran Barat yang asalnya dibangunkan dalam konteks kajian Bible. Hermeneutic ini bertujuan menafsir teks keagamaan dengan menekankan aspek sejarah, konteks penulisan dan kemungkinan perubahan atau pengaruh manusia terhadap teks tersebut. Dalam tradisi Barat, pendekatan ini relevan kerana Bible melalui proses penyalinan dan perubahan sejarah yang panjang, sekali gus membuka ruang kepada analisis kritikal terhadap keaslian dan kandungannya.³⁰

²⁵ Michel Foucault, *Power/Knowledge* (New York: Pantheon Books, 1980), hlm. 52–54.

²⁶ Bernard Lewis, *Islam and the West* (New York: Oxford University Press, 1993), hlm. 15–17.

²⁷ Anouar Abdel-Malek, "Orientalism in Crisis," *Diogenes* (1963), hlm. 104–106.

²⁸ Marshall G. S. Hodgson, *The Venture of Islam* (Chicago: University of Chicago Press, 1974), Jil. 1, hlm. 57–59.

²⁹ Talal Asad, *Genealogies of Religion* (Baltimore: Johns Hopkins University Press, 1993), hlm. 28–30.

³⁰ Hans-Georg Gadamer, *Truth and Method* (New York: Continuum, 2004), hlm. 268–270.

Namun demikian, orientalis cenderung mengaplikasikan pendekatan yang sama terhadap al-Quran tanpa mengambil kira perbezaan asas antara kedua-dua teks tersebut. Al-Quran dalam Islam diyakini sebagai wahyu Ilahi yang terpelihara daripada sebarang perubahan, sebagaimana dijaga melalui hafazan dan penulisan sejak zaman Nabi Muhammad SAW. Oleh itu, penggunaan hermeneutic yang mengandaikan kemungkinan perubahan teks atau campuran tangan manusia tidak selari dengan sifat al-Quran sebagai kalam Allah yang mutlak dan terpelihara.³¹

Selain itu, pendekatan hermeneutik Barat sering menumpukan kepada tafsiran subjektif yang bergantung kepada perspektif penafsir, latar belakang sosial dan konteks budaya semasa. Hal ini boleh membawa kepada tafsiran yang terlalu bebas dan tidak terikat dengan disiplin tertentu. Dalam konteks al-Quran, pendekatan seperti ini berpotensi menghasilkan penafsiran yang menyimpang daripada maksud sebenar wahyu kerana tidak berpandukan kepada kaedah yang telah ditetapkan dalam tradisi keilmuan Islam.³²

Kritikan utama terhadap pendekatan ini ialah pengabaian terhadap metodologi tafsir yang telah dibangunkan oleh ulama Islam, seperti *tafsir bi al-ma'thur* dan *tafsir bi al-ra'y* yang berdisiplin. *Tafsir bi al-ma'thur* merujuk kepada penafsiran berdasarkan al-Quran, hadith dan pandangan para sahabat, manakala *tafsir bi al-ra'y* melibatkan ijtihad yang berpandukan kaedah bahasa Arab, usul fiqh dan prinsip syarak. Kedua-dua pendekatan ini memastikan bahawa penafsiran al-Quran dilakukan secara sistematik dan tidak menyimpang daripada kerangka Aqidah Islam.³³

Oleh itu, penggunaan hermeneutik Barat terhadap teks Islam tanpa penyesuaian yang sewajarnya merupakan satu pendekatan yang tidak tepat dari sudut epistemologi. Ia bukan sahaja tidak selari dengan sifat al-Quran sebagai wahyu yang terpelihara, tetapi juga mengabaikan tradisi tafsir Islam yang kaya dan berdisiplin.³⁴ Justeru, penafsiran al-Quran perlu berasaskan metodologi yang selari dengan kerangka ilmu Islam agar kefahaman yang dihasilkan lebih sahih dan seimbang.

Dekontekstualisasi Teks Islam

Pendekatan dekontekstualisasi dalam kajian orientalis merujuk kepada kecenderungan menganalisis teks-teks Islam tanpa mengambil kira konteks asal penurunannya. Dalam hal ini, ayat-ayat al-Quran dan hadith ditafsirkan secara terpisah daripada latar sejarah dan sosial. Pendekatan ini menyebabkan teks terlihat secara literal semata-mata tanpa memahami maksud sebenar yang ingin disampaikan dalam konteks tertentu.³⁵

³¹ Muhammad Husayn al-Dhahabi, *al-Tafsir wa al-Mufasssirun* (Kaherah: Dar al-Hadith, 2005), Jil. 1, hlm. 23–25.

³² Friedrich Schleiermacher, *Hermeneutics and Criticism* (Cambridge: Cambridge University Press, 1998), hlm. 12–14.

³³ Al-Zarkashi, *al-Burhan fi 'Ulum al-Qur'an* (Beirut: Dar al-Ma'rifah, 2006), Jil. 2, hlm. 157–159.

³⁴ Nasr Hamid Abu Zayd, *Mafhum al-Nass* (Beirut: Markaz al-Thaqafi al-'Arabi, 1990), hlm. 45–47.

³⁵ Richard C. Martin, *Approaches to Islam in Religious Studies* (Tucson: University of Arizona Press, 1985), hlm. 75–77.

Salah satu aspek penting yang sering diabaikan ialah *asbab al-nuzul*, iaitu sebab-sebab turunnya ayat al-Quran. Dalam tradisi keilmuan Islam, pemahaman terhadap *asbab al-nuzul* sangat penting bagi memastikan tafsiran yang tepat dan selaras dengan konteks asal. Tanpa merujuk kepada aspek ini, sesuatu ayat berisiko disalah tafsir atau digunakan di luar maksud sebenar yang dikehendaki oleh wahyu.³⁶

Selain itu, pendekatan orientalis juga sering mengabaikan konsep *maqasid al-syariah*, iaitu tujuan dan hikmah pensyariaan hukum dalam Islam. *Maqasid al-syariah* berfungsi sebagai kerangka penting untuk memahami tujuan umum syariat seperti menjaga, nyawa, akal, keturunan dan harta. Tanpa mempertimbangkan aspek ini, tafsiran terhadap teks Islam menjadi sempit dan gagal menangkap hikmah dan tujuan yang lebih luas dalam ajaran Islam.³⁷

Kesan daripada dekontekstualisasi ini ialah berlakunya salah faham terhadap ajaran Islam, termasuk kemunculan tafsiran literal yang ekstrem. Ayat-ayat tertentu mungkin difahami secara kaku tanpa mengambil kira konteks dan tujuan asalnya, lalu menghasilkan gambaran Islam yang tidak seimbang. Keadaan ini bukan sahaja menjejaskan kefahaman yang tepat, tetapi juga boleh disalahgunakan untuk menyokong naratif tertentu yang tidak mencerminkan ajaran Islam sebenar.³⁸

Oleh itu, pendekatan ini boleh dikritik kerana mengabaikan tradisi ulama Islam yang telah membangunkan metodologi tafsir secara sistematik dan berautoriti. Ulama terdahulu sentiasa menekankan kepentingan konteks, bahasa dan disiplin ilmu dalam memahami teks wahyu.³⁹ Justeru, analisis terhadap teks Islam perlu berlandaskan kerangka ini agar tafsiran yang dihasilkan lebih tepat, seimbang dan selari dengan prinsip sebenar ajaran Islam.

Kegagalan Memahami Worldview Islam

Kegagalan orientalis dalam memahami Islam secara mendalam banyak berpunca daripada ketidakfahaman terhadap worldview Islam. Dalam Islam, worldview berasaskan tauhid yang menegaskan keEsaan Allah SWT sebagai pusat segala kewujudan. Konsep ini bukan sahaja berkaitan dengan aspek keimanan, tetapi turut membentuk cara umat Islam memahami reality, ilmu, nilai dan tujuan kehidupan secara menyeluruh.⁴⁰

Worldview tauhidik ini meletakkan hubungan yang era antara Tuhan, manusia dan alam dalam satu kesatuan yang harmoni. Segala aspek kehidupan, sama ada ibadah, ilmu, akhlak atau sosial, berakar daripada prinsip tauhid yang sama. Oleh

³⁶ Ali ibn Ahmad al-Wahidi, *Asbab al-Nuzul* (Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1991), hlm. 8–10.

³⁷ Abu Ishaq al-Shatibi, *al-Muwafaqat fi Usul al-Shari’ah* (Beirut: Dar al-Ma’rifah, 1997), Jil. 2, hlm. 8–10.

³⁸ Olivier Roy, *Globalized Islam* (New York: Columbia University Press, 2004), hlm. 28–30.

³⁹ Fazlur Rahman, *Major Themes of the Qur’an* (Chicago: University of Chicago Press, 2009), hlm. 6–8.

⁴⁰ Syed Muhammad Naquib al-Attas, *Prolegomena to the Metaphysics of Islam* (Kuala Lumpur: ISTAC, 1995), hlm. 2–4.

itu, Islam tidak boleh difahami secara terpisah-pisah kerana setiap komponennya saling berkait dalam satu kerangka yang menyeluruh dan bersepadu.⁴¹

Sebaliknya, orientalis cenderung menggunakan worldview Barat yang berasaskan sekularisme dalam menganalisis Islam. Dalam kerangka ini, reality ditafsirkan tanpa merujuk kepada aspek ketuhanan dan ilmu dinilai berdasarkan rasionaliti dan pengalaman empirikal semata-mata. Pendekatan ini menyebabkan aspek metafizik, wahyu dan keimanan tidak diberikan tempat yang sewajarnya dalam memahami ajaran Islam.⁴²

Akibat daripada perbezaan asas ini, berlaku apa dikenali sebagai *epistemological mismatch*, iaitu ketidakpadanan antara kerangka ilmu yang digunakan dengan objek kajian itu sendiri. Islam dianalisis menggunakan alat epistemologi yang tidak sesuai, lalu menghasilkan tafsiran yang tidak selari dengan hakikat sebenar ajaran tersebut. Keadaan ini menyebabkan banyak aspek penting dalam Islam disalah fahami atau diabaikan.⁴³

Kesan lanjut daripada ketidakpadanan ini ialah kajian yang dihasilkan menjadikan tidak asli dan tidak representative terhadap Islam. Tafsiran yang dibuat tidak mencerminkan perspektif dalam Islam, sebaliknya lebih mencerminkan andaian dan kerangka pemikiran luar. Hal ini boleh membawa kepada gambaran yang tidak tepat tentang Islam dan menimbulkan kekeliruan dalam kalangan pembaca, khususnya yang tidak mempunyai latar belakang pengetahuan Islam yang kukuh.⁴⁴

Oleh itu, memahami Islam memerlukan pendekatan yang berasaskan *worldview* Islam itu sendiri, iaitu berteraskan tauhid sebagai asas utama. Tanpa penghayatan terhadap memahami worldview, sebarang analisis terhadap Islam akan berdepan dengan Risiko ketidaktepatan dan ketidakseimbangan.⁴⁵ Justeru, kajian yang sahih dan dipercayai perlu mengambil kira kerangka epistemologi Islam agar hasilnya lebih tepat, menyeluruh dan mencerminkan hakikat sebenar ajaran Islam.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, pendekatan orientalis dalam kajian Islam perlu dinilai semula secara kritikal kerana banyak bergantung kepada kerangka epistemologi Barat yang tidak sepenuhnya selari dengan asas pemikiran Islam. Kritikan ini penting bagi menilai sejauh mana kesahihan dan keterbatasan pendekatan tersebut dalam memahami Islam secara tepat dan menyeluruh. Tanpa penilaian semula yang mendalam, kajian terhadap Islam berisiko terus dipengaruhi oleh bias ideologi dan

⁴¹ Ismail Raji al-Faruqi, *Al-Tawhid: Its Implications for Thought and Life* (Herndon: IIIT, 1992), hlm. 11-13.

⁴² Charles Taylor, *A Secular Age* (Cambridge: Harvard University Press, 2007), hlm. 423-425.

⁴³ Thomas S. Kuhn, *The Structure of Scientific Revolutions* (Chicago: University of Chicago Press, 1996), hlm. 110-112.

⁴⁴ Wael B. Hallaq, *Restating Orientalism* (New York: Columbia University Press, 2018), hlm. 73-75.

⁴⁵ Seyyed Hossein Nasr, *Islamic Life and Thought* (London: George Allen & Unwin, 1981), hlm. 25-27.

ketidakpadanan epistemologi yang boleh membawa kepada salah faham terhadap ajaran Islam.

Sehubungan itu, umat Islam perlu membina dan memperkukuh epistemologi berasaskan wahyu sebagai teras utama dalam memahami ilmu dan realiti. Pendekatan ini hendaklah mengintegrasikan wahyu, akal dan tradisi ulama dalam satu kerangka yang seimbang dan bersepadu. Melalui integrasi ini, kefahaman terhadap Islam dapat diperkukuh secara autentik dan berautoriti, seterusnya mampu menghadapi cabaran pemikiran luar dengan lebih yakin dan berlandaskan prinsip yang sahih.

DAFTAR PUSTAKA

- Abdel-Malek, Anouar, "Orientalism in Crisis," Diogenes (1963).
- Abu Zayd, Nasr Hamid Abu Zayd, *Mafhum al-Nass* (Beirut: Markaz al-Thaqafi al-'Arabi, 1990).
- al-Attas, Syed Muhammad Naquib, *Prolegomena to the Metaphysics of Islam* (Kuala Lumpur: ISTAC, 1995)
- al-Attas, Syed Muhammad Naquib, *Islam and Secularism* (Kuala Lumpur: ISTAC, 1993).
- al-A'zami, Muhammad Mustafa, *The History of the Qur'anic Text* (Leicester: UK Islamic Academy, 2003).
- al-Baghdadi, Al-Khatib, *al-Kifayah fi 'Ilm al-Riwayah* (Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2001)
- al-Dhahabi, Muhammad Husayn, *al-Tafsir wa al-Mufasssirun* (Kaherah: Dar al-Hadith, 2005), Jil. 1.
- al-Faruqi, Ismail Raji, *Al-Tawhid: Its Implications for Thought and Life* (Herndon: IIIT, 1992)
- Al-Ghazali, al-Munqidh min al-Dalal (Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2005)
- al-Khatib, Muhammad Ajjaj, *Usul al-Hadith* (Beirut: Dar al-Fikr, 1989)
- al-Shatibi, Abu Ishaq, *al-Muwafaqat fi Usul al-Shari'ah* (Beirut: Dar al-Ma'rifah, 1997).
- al-Suyuti, Jalal al-Din, *al-Itqan fi 'Ulum al-Qur'an* (Beirut: Dar al-Fikr, 2004), Jil. 1.
- al-Siba'i, Mustafa, *al-Sunnah wa Makanatuha fi al-Tashri' al-Islami* (Beirut: al-Maktab al-Islami, 1982)
- al-Wahidi, Ali ibn Ahmad, *Asbab al-Nuzul* (Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1991).
- Al-Zarkashi, al-Burhan fi 'Ulum al-Qur'an (Beirut: Dar al-Ma'rifah, 2006), Jilid 2.
- Asad, Talal, *Genealogies of Religion* (Baltimore: Johns Hopkins University Press, 1993)
- Bakar, Osman, *Classification of Knowledge in Islam* (Cambridge: Islamic Texts Society, 1998), hlm. 20-22.
- B. Hallaq, Wael, *Restating Orientalism* (New York: Columbia University Press, 2018), hlm. 73-75.
- C. Martin, Richard, *Approaches to Islam in Religious Studies* (Tucson: University of Arizona Press, 1985).
- Foucault, Michel, *Power/Knowledge* (New York: Pantheon Books, 1980)
- Gadamer, Hans-Georg, *Truth and Method* (New York: Continuum, 2004).
- G. H. A. Juynboll, *Muslim Tradition* (Cambridge: Cambridge University Press, 1983).

- Goldziher, Ignaz, *Muslim Studies* (London: George Allen & Unwin, 1971).
- G. S. Hodgson, Marshall, *The Venture of Islam* (Chicago: University of Chicago Press, 1974), Jil. 1, hlm. 57–59.
- Ibn al-Salah, Muqaddimah Ibn al-Salah (Beirut: Dar al-Fikr, 1986), hlm. 98–102.
- Said, Edward, *Orientalism* (New York: Vintage Books, 1978), hlm. 2–4.
- Lewis, Bernard, *Islam and the West* (New York: Oxford University Press, 1993), hlm. 15–17.
- Nasr, Seyyed Hossein, *Islamic Life and Thought* (London: George Allen & Unwin, 1981)
- Qutb, Muhammad, *Manhaj al-Tarbiyah al-Islamiyyah* (Kaherah: Dar al-Shuruq, 1993)
- Rahman, Fazlur, *Islam and Modernity: Transformation of an Intellectual Tradition* (Chicago: University of Chicago Press, 1982)
- Rahman, Fazlur, *Major Themes of the Qur'an* (Chicago: University of Chicago Press, 2009)
- Roy, Olivier, *Globalized Islam* (New York: Columbia University Press, 2004), hlm. 28–30.
- Said, Edward, *Orientalism* (New York: Vintage Books, 1978)
- Schacht, Joseph, *The Origins of Muhammadan Jurisprudence* (Oxford: Oxford University Press, 1950)
- Schacht, Joseph, *An Introduction to Islamic Law* (Oxford: Oxford University Press, 1964),
- Schleiermacher, Friedrich, *Hermeneutics and Criticism* (Cambridge: Cambridge University Press, 1998)
- Smith, Wilfred Cantwell, *The Meaning and End of Religion* (New York: Macmillan, 1962)
- S. Kuhn, Thomas, *The Structure of Scientific Revolutions* (Chicago: University of Chicago Press, 1996)
- Taylor, Charles, *A Secular Age* (Cambridge: Harvard University Press, 2007)
- Theodor Nöldeke, *The History of the Qur'an* (Leiden: Brill, 2013)
- Watt, William Montgomery, *Islam and the Integration of Society* (London: Routledge, 1961), hlm. 25–27.
- Wansbrough, John, *Quranic Studies: Sources and Methods of Scriptural Interpretation* (Oxford: Oxford University Press, 1977), hlm. 1–3.
- Weber, Max, *The Protestant Ethic and the Spirit of Capitalism* (London: Routledge, 2001), hlm. 13–15.